

**Usaha BN Bela Masa Depan Kaum Cina Diiktiraf  
Bernama  
9 April, 2013**

IPOH, 9 April (Bernama) -- Meskipun selesa dengan kerajaan Barisan Nasional (BN) sedia ada, pemimpin masyarakat Cina di negeri ini berharap lebih banyak inisiatif dilaksanakan BN untuk masa depan kaum itu.

Mereka turut memberi pengiktirafan terhadap usaha BN melalui program transformasi kerajaan yang telah memberi kesan positif terutama dalam pendidikan dan perniagaan.

Antara usaha ketara kerajaan negeri Perak membantu masyarakat Cina ialah peruntukan sebidang tanah di Menglembu bagi mewujudkan "Bandar Kasut" yang akan memberi manfaat kepada 400 pengusaha kasut kecil-kecilan dan membangunkan semula Bazar Yau Tet Shin di Jalan Raja Ekram di sini.

Sehubungan itu, ahli politik veteran Datuk Siew Kok Kan berkata adalah menjadi tanggungjawab besar kepada rakyat untuk memilih sebuah kerajaan yang berwibawa dan efektif.

Beliau berkata rakyat perlu terus memberi kepercayaan kepada BN supaya matlamat program transformasi yang dicetuskan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dapat dicapai.

"Kita sebenarnya sudah kian merasai kesan program transformasi itu sekarang. Perlu diingat untuk mencapai matlamat transformasi, ia memerlukan jangka masa lebih panjang serta dalam keadaan negara aman dan stabil. Transformasi bukan seperti revolusi yang berjalan dalam suasana kelam-kabut," katanya ketika ditemui Bernama di sini hari ini.

Siew yang merupakan anggota Dewan Undangan Negeri Perak kawasan Kuala Sepetang selama dua penggal dari 1995 hingga 2004 berharap pengundi dapat memilih kerajaan dan wakil rakyat dengan rasional.

"Jika memilih berlandaskan emosional, mereka tidak dapat memilih pemimpin yang benar-benar bertanggungjawab," katanya.

Naib Presiden Tokong Tow Boh Keong, Khor Huat Seng berkata BN telah melakukan yang terbaik kepada rakyat dalam pelbagai program pembangunan serta bantuan.

"Mereka (rakyat) sangat menghargai apa yang telah diusahakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak, mereka pasti akan membantu BN untuk kembali sebagai sebuah kerajaan," katanya.

Katanya rakyat sudah tentu gembira atas pencapaian BN kerana mereka juga sebahagian penerima hasil usaha parti itu seperti Bantuan Rakyat 1Malaysia.

Pengerusi Kelab Sukan Dan Rekreasi Malaysia Datuk Yeoh Kian Teik berkata beliau gembira dengan usaha yang telah dilakukan oleh kerajaan, bagaimanapun masih ada ruang untuk memperbaiki kekurangan dan kelemahan yang ada.

"Banyak yang telah dilakukan untuk membantu rakyat termasuk bantuan kepada usahawan muda. Namun ada lagi boleh dilakukan terutamanya dalam bidang pendidikan. Saya harap

kerajaan akan terus membantu golongan pelajar serta sekolah-sekolah Cina," katanya.

Kerajaan negeri Perak pimpinan BN juga memperuntukkan 1,000 hektar tanah kepada sekolah persendirian Cina yang dijangka dapat menjana pendapatan RM3.6 juta setiap tahun.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=940764>